

ASAS KEUSAHAWANAN ETR 300

DISEDIAKAN OLEH :

**AZIZI NORDIN
96751301**

**HAZMAL ISMAIL
96520628**

**HAIRUL NIZAM OTHMAN
96597408**

**RAJA NATRAH RAJA ROZLAN
96350874**

**MOHAMAD SHUJAIRI SAMSUDIN
96142408**

DBS 5A

16 APRIL 1999

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERLIS**

1.2 SINOPSIS

TeleArt Concept Sdn. Bhd. terdiri daripada lima orang ahli dengan modal dibenar sebanyak RM 113,447.00 dan modal berbayar sejumlah RM 63,447.00. TeleArt Concept Sdn. Bhd. di jangka memulakan operasinya pada 1 Januari 2001.

TeleArt Concept Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat yang membuat dan mengeluarkan badan telefon yang berasaskan plastik (ABS) . Badan telefon yang dikeluarkan terdiri daripada berbagai jenis, bentuk, model, warna dan spesifikasi mengikut citarasa pelanggan pada masa kini.

Faktor yang mempengaruhi penubuhan syarikat ini ialah kerana ia mempunyai potensi yang cerah dan permintaan yang tinggi selaras dengan keadaan ekonomi negara yang semakin pulih. Permintaan bukan sahaja datangnya dari dalam negeri malahan dari luar negeri mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh mereka sendiri. Walaupun terdapat ramai pesaing, tetapi TeleArt Concept Sdn. Bhd. yakin dan mampu bersaing dengan kepakaran, ketepatan, kejituan, kualiti, teknologi dan daya cipta yang tinggi yang dimilikinya.

Lokasi tapak operasi TeleArt Concept Sdn. Bhd. beralamat di Lot 104, Jalan A4/3 Kawasan Perindustrian MIEL, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman. Ianya adalah satu kawasan yang strategik kerana berdekatan dengan jalan Alor Setar-Sungai Petani dan Lebuhraya Utara Selatan yang mana hanya 500 meter sahaja dari Sungai Petani Interchange. Ia juga hanya 3.2 kilometer ke utara bandar Sungai Petani.

Lokasi ini juga terletak di tengah-tengah dua buah bandar utama di utara semenanjung iaitu bandar Alor Setar dan Butterworth. Jaraknya adalah 60 kilometer dari bandar Alor Setar dan hanya 40 kilometer dari Butterworth. Pembekal-pembekal kami terdiri daripada Nippon Pigment (M) Sdn. Bhd., Tools and Die Sdn. Bhd., Asian Plastic and Machinery, Syarikat Kejenteraan Timur Delta Sdn. Bhd. dan Tools and Hardware Sdn. Bhd.

Ramalan jualan TeleArt Concept Sdn. Bhd. untuk tahun pertama, kedua dan ketiga ialah RM 780,000, RM 819,000 dan RM 859,950. Manakala kos jualan pula adalah RM 257,977.80, RM 327,048.23 dan RM 339,421.79 untuk tahun pertama, kedua dan ketiga. Untung kasar bagi tahun pertama, kedua dan ketiga ialah RM 522,022.20, RM 491,951.77 dan RM 520,528.21.

Jumlah perbelanjaan TeleArt Concept Sdn. Bhd. untuk tahun pertama, kedua dan ketiga adalah sebanyak RM 365,899.00, RM 376,393.87 dan RM 396,857.02. Jumlah untung bersih selepas cukai (30%) bagi tahun pertama, kedua dan ketiga pula ialah RM 109,286.24, RM 80,890.53 dan RM 86,569.83. Ini membuktikan bahawa TeleArt Concept Sdn. Bhd. mempunyai prospek yang cerah dan berdaya saing untuk maju di masa akan datang.

ISI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
Penghargaan	1
1.0. Matlamat	2
1.2. Strategi Perniagaan	3
1.3. Sinopsis	4-5
1.4. Logo dan Pencerangan	6-7
1.5. Pengenalan	8-9
1.6. Tujuan Rancangan Perniagaan	10-11
1.7. Latarbelakang Syarikat	12-13
1.8. Latarbelakang Pemilik/Pemegang Saham	14-18
1.9. Latarbelakang Projek	
1.9.1. Lokasi Tapak Projek	19-22
1.9.2. Kedudukan Fizikal	23
1.9.3. Bangunan	24-26
1.9.4. Kemudahan Asas	27-28
2.0 Rancangan Pentadbiran	29
2.1. Objektif Organisasi	30
2.2. Matlamat Organisasi	31
2.3. Strategi organisasi	32
2.4. Struktur Organisasi	33
2.5. Spesifikasi Tugas	34-37
2.6. Tenaga Kerja	38-39
2.7. Jadual Imbuhan Balas Jasa Pekerja	40-44

2.8. Perancangan Keperluan Pejabat	45
2.9. Perbelanjaan Pentadbiran	46
2.10 Susun Atur Pejabat	48
2.10.1 Petunjuk	49
3.0 Rancangan Pemasaran	50
3.1. Analisa Pasaran	50-51
3.2. Sasaran Pasaran	52-53
3.3. Saiz Pasaran	54
3.3.1 Barangan	54
3.3.2 Pesaing	55
3.3.2.1 Kekuatan dan Kelemahan Pesaing	56
3.4 Syer Pasaran	57
3.4.1 Syer Pasaran Pesaing-Pesaing	57
3.4.2 Syer Pasaran Baru	58
3.5 Ramalan Jualan	59-60
3.6 Strategi pemasaran	61-67
3.7 Tenaga Pekerja	68
3.8 Belanja Pemasaran	69
4.0 Rancangan Operasi	
4.1 Pengenalan	70-71
4.2 Carta Aliran Proses	72-76
4.3 Kapasiti Pengeluaran	77-78
4.4 Senarai Mesin	79-80